

Nilai semula hukum silam: PM

Ulama perlu berani

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ulama perlu berani menilai kembali serta mengkaji hukum-hukum silam bagi memastikan ia serasi dan boleh digunakan dalam keadaan di negara ini sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, usaha itu bukan sahaja tidak salah sebaliknya memang menjadi tanggungjawab ulama kerana realiti zaman kini amat jauh berbeza dengan keadaan 1,000 tahun lalu yang memerlukan hukum-hukum berbeza.

Malah, beliau menegaskan, ulama fikah silam termasuk Ibn Khaldun dan Ibn Qayyim, menerima kaedah yang menekankan bahawa hukum-hukum berubah dengan peralihan masa.

"Sehubungan itu, ciri-ciri dinamik dalam undang-undang Islam tidak dapat dipisahkan kerana ia bukan bertujuan mendera sebaliknya menjadi pengajaran demi kebaikan masyarakat.

"Saya tidak berpendapat hukum silam itu salah dan tidak boleh dipakai tetapi kita tahu hukum itu dikeluarkan oleh ulama silam bertujuan menjawab persoalan dan keadaan pada zaman mereka.

"Kalau kita tidak berani membuka pintu akal kepada tafsiran baru, maka syariah Islam akan dianggap tidak dinamik, lesu dan kaku. Sebenarnya bukan syariah yang lesu tetapi akliah kita yang kaku," katanya berucap merasmikan Seminar Undang-undang Keterangan dan Prosedur Mahkamah di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), di sini hari ini.

Lebih 150 peserta termasuk mufti, hakim, timbalan pendakwa raya, penasihat undang-undang, pendaftar

mahkamah, peguam sivil, peguam syariah dan ahli akademik menghadiri seminar dua hari itu.

Hadir sama ialah Menteri Undang-Undang, Datuk Syed Hamid Albar dan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Eusoff Chin.

Perdana Menteri berkata, prinsip mudah ubah dan beransur-ansur dalam perundangan Islam wajar diberi perhatian serius ketika menggubal undang-undang termasuk undang-undang Islam.

Menurutnya, kaedah yang diterima oleh semua ulama fikah itu memberi peluang yang praktikal dalam menerapkan nilai-nilai hukum syarak dalam sistem undang-undang negara.

"Prinsip mudah ubah bukan untuk dijadikan alasan tidak memberi perhatian kepada perkembangan hukum syarak tetapi wajar dilaksanakan secara bersepadu dengan aspek sosial, budaya, ekonomi dan politik.

"Ini kerana tidak ada seorang pun yang ingin melihat pentadbiran hukum syarak dibuat tanpa peraturan dan sambil lewa, sebaliknya masing-masing mahu ia berkembang positif, teratur dan aman," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan seminar mengenai prosedur undang-undang dan keterangan mahkamah itu adalah langkah berani bagi mengkaji peraturan silam dan menerima peraturan baru yang serasi mengikut keadilan Islam.

"Tidak ada larangan dalam Islam untuk mengkaji yang lama dan mencipta yang baru, selagi ia tidak bertentangan dengan Islam. Hukum syarak itu baik dan adil tetapi tercemar

LIHAT MUKA 2

Ulama perlu nilai hukum silam

DARI MUKA 1

jika ditadbir sewenang-wenangnya.

“Kerajaan sedar status Mahkamah Syariah dan hakimnya perlu ditingkatkan tetapi sebelum itu, kredibiliti dan ketertiban dalam pentadbiran syarak harus juga ditingkatkan bersama.

“Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud: ‘Kamu boleh serah undang-undang yang tidak adil kepada hakim yang adil tetapi kamu jangan serah undang-undang yang adil kepada hakim yang zalim’,” katanya.

Mengenai kedudukan Mahkamah Syariah, Perdana Menteri menjelaskan mahkamah itu tidak boleh dipandang rendah walaupun berada di luar struktur umum dalam bidang kehakiman negara.

“Keaiban Mahkamah Syariah adalah keaiban kita dan keaiban umat Islam di Malaysia. Kita semua dan Hakim Mahkamah Syariah mesti berusaha meletakkannya di taraf yang sesuai.

“Selain itu, interaksi di antara ahli undang-undang sivil dan syarak perlu dirapatkan semula. Ini semua berlaku kerana latar belakang sejarah dan undang-undang di negara majmuk,” katanya.

Menurut Dr Mahathir, tidak ada sebab kerajaan tidak boleh memperlihatkan pentadbiran hukum syarak yang tidak meragukan jika sebelum ini ia berjaya memperkenalkan sistem perbankan Islam yang sudah pun diterima umum.

Beliau berkata, penyelesaian undang-undang keterangan dan kanun cara jenayah di Mahkamah Syariah adalah antara langkah positif ke arah penyatuan undang-undang Islam di Malaysia.